



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

MAJLIS ANGKAT SUMPAH  
PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
**2020**

## **OLEH**

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
**KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**11 JANUARI 2020 (SABTU)**  
**9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA MPSP**  
**BANDAR PERDA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang**

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy**

Timbalan Ketua Menteri 2

**YB Dato' Abdul Razak Bin Jaafar**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Ar Yew Tung Seang**

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Dato' Ir Addnan bin Mohd. Razali**

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Puan Nur'Aishah bt Md Norodin**

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

## **Rakan - rakan Media**

**Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis yang baharu bagi tahun 2020. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB Timbalan Ketua Menteri I dan II, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN, YBhg. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Setiausaha Bandaraya, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Majlis Bandaraya Seberang Perai, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Ribuan terima kasih diucapkan atas sumbangan yang telah diberikan oleh semua Ahli-Ahli Majlis sebelum ini yang selama ini berkhidmat di MBSP yang mana telah banyak bekerjasama dalam membantu menggubal dasar dan garis panduan MBSP, menyumbang idea serta komen yang bernas dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa yang dihadiri serta membantu melaksanakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Perkara yang tidak dapat saya lupakan adalah pada tanggal 16 September 2019, di mana impian kita untuk menjadi sebuah bandaraya telah menjadi kenyataan hasil usaha penat lelah kita semua termasuk semua Ahli-Ahli Majlis sebelum ini.

Mantan Ahli-Ahli Majlis MBSP sentiasa bersama-sama bukan sahaja memberi sokongan mental malahan turut turun padang siang dan malam untuk membantu dan meringankan beban dan masalah penduduk. Saya amat menghargai segala susah payah tuan-tuan dan puan-puan dan semangat *teamwork* yang ditunjukkan oleh mereka menunjukkan solidariti diantara pihak pengurusan MBSP, Ahli Majlis dan Kerajaan Negeri Pulau

Pinang serta kualiti dalaman yang sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik atau dilantik semula. Diharapkan kerjasama yang erat dapat diteruskan untuk meneruskan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat seterusnya menjadikan Bandar Aspirasi Masa Hadapan.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tahun 2019 merupakan tahun yang penuh dengan kecemerlangan dan kenangan yang tidak akan kita lupakan. Kita harus merasa bangga kerana mempunyai Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, Warga Kerja MBSP, Wira Orange dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul (12) dua belas anugerah sepanjang tahun 2019, pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan 7 persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO, mencapai kadar kitar semula 47.16% pada tahun 2018 dan kita masih menanti-nanti pengiraan terkini pada 15 Januari 2020 ini untuk keseluruhan pencapaian kitar semula 2019. Inshaallah kita akan mencapai sasaran yang ditetapkan sebanyak 56%. Di

samping itu, MBSP juga telah menggondol Sijil Bersih 18 tahun berturut-turut dari Jabatan Audit Negara, mencapai penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain itu, pelbagai anugerah dan pengiktirafan kualiti yang diterima oleh MBSP sepanjang tahun 2019. Pengiktirafan yang diterima melalui Innovation Blast, Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Pulau Pinang (KIK) membuktikan MBSP mempunyai pelapis kakitangan yang kreatif dan inovatif untuk membuat pembaharuan atau penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan kepada warga Seberang Perai.

Kemuncak kepada pengiktirafan prestasi pengurusan cemerlang adalah apabila SIRIM International QAS Sdn Bhd menganugerahkan “*SIRIM Quality Award 2019*”, yang merupakan anugerah yang berprestij yang diimpikan oleh semua industri sama ada sektor kerajaan atau swasta. Anugerah Kualiti SIRIM yang diterima oleh MBSP pada 8 November 2019 secara tidak langsung meletakkan MBSP sebaris dengan syarikat ternama iaitu Syarikat Averex Technology Sdn. Bhd. dalam kategori SME dan Syarikat Teleplan Technology Services Sdn. Bhd. (7 drp 10 syarikat elektronik terbesar di dunia dengan hasil tahunan 236m euro) dalam kategori Large Corporation.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan YAB Tuan Chow Kon Yeow mengalu-alukan pelabur tempatan dan asing yang mahu mempromosikan produk pembangunan berkonsepkan pintar dan mesra alam. MBSP menterjemahkan kemahuan ini, yang juga merupakan kemahuan rakyat, dengan melakukan *Business Proses Reengineering* ke atas proses kerja yang lapuk untuk mempercepatkan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan yang berkaitan dengan pembangunan supaya kos menjalankan perniagaan dikurangkan dan dipermudahkan. MBSP telah berjaya mencapai 100% KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membuat keputusan semua permohonan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landskap mengikut piagam. Pencapaian KPI 100% selesai dalam tempoh piagam ini adalah merupakan pencapaian kali pertama, sejak penubuhan Jawatankuasa OSC MBSP pada tahun 2007.

MBSP turut menjadi perintis kepada inovasi-inovasi *Business Processing Reengineering* (PBR) bagi memudah cara permit pembinaan dengan kerjasama MPC sepanjang tahun 2019. Sebanyak 28 permohonan

*Development Construction Permit (DCP)* dan (8) lapan *Development order* (Borang C1) telah dikeluarkan serta merta selepas mesyuarat OSC sepanjang tahun 2019. Pengeluaran *Development Order* sebaik-baik sahaja keputusan OSC dibuat dapat memendekkan tempoh pembangunan sekurang-kurangnya enam (6) bulan, menjimatkan *bridging finance* dan tak pernah dapat dicapai oleh mana-mana PBT di Malaysia. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada perunding, pemaju dan agensi yang menganggotai OSC. Manakala MBSP turut menjadi antara 10 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjadi Perintis bagi pelaksanaan Sistem OSC 3 Plus yang akan memendekkan lagi proses meluluskan pelan pembangunan.

Komitmen MBSP dalam memendekkan proses kelulusan Pelan Pembangunan akan menjana pertumbuhan aktiviti pembinaan, pengilangan, perdagangan dan perkhidmatan dan menarik pelabur-pelabur hartanah dalam pembangunan Seberang Perai.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadi **Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *carbon neutral* pada**



**tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050.** MBSP juga komited untuk bersama bandar raya-bandar raya lain di dunia untuk menanggapi perubahan cuaca supaya dapat **mengehadkan pemanasan global ke 1.5 °C.** MBSP juga komited untuk menjadi Bandar Raya Pintar pada tahun 2030 sesuai dengan wawasan *Penang2030*. Sasaran ini adalah sasaran bersama dan saya berharap agar sasaran ini dapat difahami oleh Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan semua penduduk Seberang Perai. Ini bukan omong-omong kosong tetapi ini adalah satu sasaran yang perlu dicapai untuk kesinambungan kehidupan generasi yang akan datang. Bumi semakin tenat dan kita perlu membuat perubahan sekiranya kita mahu anak-anak kita masih dapat menikmati apa yang sedang kita kecapai sekarang.

Pada hari ini saya amat bersyukur dan mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 16.5% berbanding tahun 2015 dari 8.24 tan CO<sub>2</sub>eq/person kepada 6.88 CO<sub>2</sub>e/person pada tahun 2019. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO<sub>2</sub>eq jika dibanding dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan. MBSP merupakan salah satu dari lima (5) PBT yang berjaya melangkah ke Fasa 3 melengkapkan proses *Low Carbon City Framework* (LCCF) dan di anugerahkan *Diamond Recognition* oleh Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Pencapaian

pengiraan dan pengurangan pelepasan karbon telah membolehkan MBSP diberi pengiktirafan gred A oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*, Yang menempatkan Seberang Perai sebagai sepuluh (10) bandaraya terbaik di rantau Asia dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia.

Justeru pada hari ini saya memohon YAB Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow dengan disaksikan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB Timbalan Ketua Menteri I dan II, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dif-dif kehormat serta semua yang hadir untuk melancarkan Pelan Tindakan *Low Carbon City* dan Pelan Tindakan *Climate Change*. Pelan Tindakan Low Carbon City menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan Seberang Perai mampu mencapai status Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Manakala Pelan tindakan Climate Change merupakan sebuah dokumen strategik yang menerangkan mengenai halatuju dan dasar menangani krisis perubahan iklim global.

Pada hari ini juga, kita akan melihat pelancaran Pelan Tindakan Peningkatan Gred Premis Makanan Gred A dan B di Seberang Perai. Sasaran 70 % Premis Makanan pada Gred A dan 30 % pada Gred B selaras dengan Wawasan Penang 2030 seperti yang dicatatkan dalam

tema "A" *Peningkatan Kualiti dan Keselesaan Kehidupan* dan penumpuan segmen A2 *Keselamatan dan Peningkatan Kebersihan*.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mengamalkan konsep *inclusive*, MBSP sentiasa mahu memastikan premis-premis makanan ini berada dalam keadaan bersih dan sekaligus menjaga hak pengguna dan melindungi kesihatan orang ramai dari penyakit-penyakit bawaan makanan dan air seperti Keracunan Makanan, Kolera, Tifoid, Dysenteric, dan Hepatitis A.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Bajet tahun 2020 bertemakan "***Seberang Perai Green Budget***" merealisasikan harapan rakyat untuk menjadi *Seberang Perai Smart Sustainable City* selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang *Penang 2030 "A Family Focused Green and Smart State That Inspires The Nation"*. Terdapat lapan keutamaan Teras Bajet 2020 yang akan menggunakan peruntukan sebanyak RM113.58 juta yang merupakan keutamaan yang paling tinggi, keutamaan adalah kepada kebersihan dan kehijauan yang akan menumpukan kepada pembersihan supaya ke semua 2141 premis makanan yang berlesen berada dalam Gred A dan B, dan

Pembersihan AM seperti longkang, rumput dan sampah terapong. MBSP merancang untuk melaksanakan pemotongan rumput di jalan-jalan persekutuan antaranya daripada *roundabout* Bukit Tengah hingga hadapan Pacific, daripada *Flyover* PLB Engineering hingga Jambatan Tunku Abdul Rahman, daripada Jambatan Tunku Abdul Rahman hingga Maybank Butterworth, daripada Maybank hingga Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi dan daripada roundabout Bukit Tengah hingga simpang Permatang Nibong. MBSP juga memperluaskan pemotongan rumput di jalan-jalan kampung yang mempunyai kelebaran melebihi 8 kaki. Selain itu, MBSP juga akan mewujudkan *eco park*, tanaman pokok dan mewujudkan taman-taman baru dan memperindahkan lagi kawasan Seberang Perai.

Saya ingin mencadangkan sekiranya alangkah baiknya sekiranya semua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di Seberang Perai ini bersama-sama MBSP melaksanakan Program-Program pengindahan kawasan masing-masing. Program yang boleh dilaksanakan adalah kebun kejiranan, menanam pokok-pokok di luar kawasan rumah untuk dijadikan *food bank*, mengadakan gotong royong dan pelbagai lagi program kehijauan yang bersesuaian.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tahun 2020 semestinya menjanjikan cabaran yang lebih mencabar. Walau bagaimanapun, MBSP sentiasa bersedia dan akan mencari jalan dan tindakan yang terbaik untuk mengatasinya. Antara cabaran yang bakal dihadapi bagi tahun 2020 ialah Kebersihan. Kehadiran warga asing yang ramai serta segelintir warga tempatan yang masih tidak mempunyai sikap bertanggung jawab membuang sampah di merata tempat yang telah menyebabkan sesetengah kawasan menjadi kotor. Kebersihan memerlukan komitmen bukan sahaja di pihak MBSP tetapi juga rakyat. Kebersihan tidak mungkin tercapai jika rakyat masih dengan cara hidup lama.

Saya juga memberi amaran keras kepada semua kontraktor, MBSP tidak teragak-agak menamatkan kontrak jika pemotongan melebihi 25% sebanyak tiga (3) kali.

Mudah-mudahan dengan kepimpinan Ahli-Ahli Majlis yang baru bagi tahun 2020 dapat membantu MBSP menghasilkan idea-idea baru untuk penambahbaikan perkhidmatan kita.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin menyatakan di sini buat pimpinan baru Ahli-Ahli Majlis 2020, Ketua-Ketua Jabatan dan seluruh kakitangan MBSP agar kita membuat satu transformasi semangat bekerja. Saya begitu mengharapkan agar budaya cara kerja kita perlu berubah seiring dengan transformasi masa. Penekanan yang ingin saya terapkan di bawah pentadbiran tahun 2020 adalah tidak hanya menanti aduan disalurkan, malahan akan memperkasakan sikap **one step forward** dengan konsep turun padang atau **Management By Walking Around (MBWA)** bagi mengurangkan kadar aduan yang dilaporkan serta mendapatkan maklum balas terus daripada pihak awam. Semua mesyuarat akan bermula pada jam 10.00 pagi . Oleh itu, semua Ketua-Ketua Jabatan tidak berkecuali untuk turun padang bersama Ahli-Ahli Majlis.

MBSP perlu bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana rakyatnya didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu. Manakala MBSP pula meletakkan Pendekatan 7Ps (**People, Public, Private,**

***Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership***) sebagai titik tolak untuk memberikan yang terbaik.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh pimpinan baru Ahli- Ahli Majlis Tahun 2020 yang akan bersama-sama MBSP menerajui perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Saya berharap agar kita semua akan meneruskan kecemerlangan ke tahun 2020 ini dan tahun-tahun akan datang. Mulai dengan Wawasan Penang2030 : Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dengan bertemakan empat (4) inisiatif strategik iaitu (A) Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan, (B) Menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah, (C) Memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dan (D) Melabur dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan. Empat inisiatif strategik ini akan menjadi landasan untuk MBSP meluncur laju 10 tahun akan datang membawa Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang Pintar dan Hijau yang akan menjadi inspirasi kepada negara.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.**